

## Bab 3

### LATAR BELAKANG UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

#### **3.1 Latar Belakang**

Utusan Publications & Dsitributors Sdn Bhd pada awalnya adalah merupakan sebuah Jabatan Penerbitan di Utusan Melayu (M) Berhad yang berfungsi menerbitkan buku-buku agama, sastera dan budaya. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd diperbadankan pada 29 Mac 1976. Ia mula beroperasi sebagai anak syarikat Utusan Melayu (M) Berhad di Medan Tuanku. Kemudian untuk menjimatkan kos ia dipindahkan ke alamat 46M, Jalan Lima off Jalan Chan Sow Lin dengan menumpang di pejabat Utusan Melayu (M) Berhad. Penerbitan buku-buku agama, novel sastera masih diteruskan. Ia pernah menerbitkan buku-buku karya Hamka. Pada tahun 1978, perniagaan diperkembangkan dengan menjadi pengedar bagi buku-buku import dan juga buku terbitan DBP. Pada awal penubuhannya pendapatan syarikat banyak bergantung kepada penerbitan sendiri iaitu melebihi 70 peratus daripada pendapatan keseluruhannya. Kemudian pengedaran mengambil tempat utama pendapatan syarikat. Jabatan Editorial pernah ditutup pada awal 1980-an akibat kegawatan ekonomi.

Namun, pihak pengurusan menyedari tentang kepentingan wujudnya sebuah syarikat penerbitan bumiputera dan dengan ini Jabatan Editorial diwujudkan kembali. Pengurusan baru dibentuk. Melalui pengurusan baru Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd terus berkembang. Perkembangan ini tidak

dapat dinafikan adalah impak daripada pembukaan tender buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia (kini Kementerian Pelajaran Malaysia) kepada penerbit swasta. Apabila Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd berjaya memperoleh tender ini, syarikat dapat bernafas semula kerana pulangan daripada buku teks agak menguntungkan syarikat. Syarikat terus berkembang apabila terdapatnya tender pengedaran bagi Program World Bank iaitu penghantaran buku kepada perpustakaan dan sekolah seluruh Malaysia. Ia memberikan pulangan yang menguntungkan kepada syarikat.

Atas prestasi syarikat yang menggalakkan ini, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd membeli bangunannya sendiri di No 18, Jalan 6/91 A, Taman Shamelin Perkasa, Cheras. Bilangan kakitangan ditambah. Jabatan Editorial diperkemas dan bilangan editor ditambah daripada dua orang kepada empat orang editor.

Untuk menampung operasi yang semakin berkembang, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd membeli bangunan baru yang lebih besar di alamat 1 & 3, Jalan 3/91A, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur, tempat beroperasi sekarang. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd mempunyai modal berbayar sebanyak RM2 juta dan modal dibenarkan sebanyak RM5 juta. Aktiviti perniagaannya, terbahagi kepada dua aktiviti utama iaitu penerbitan dan pengedaran.

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd diketuai oleh seorang Pengurus yang juga Pengurus Eksekutif Utusan Melayu (Malaysia) Berhad yang bertindak sebagai penasihat kepada aktiviti dan perjalanan syarikat. Pengarah Eksekutif bertindak sebagai pengurus operasi syarikat keseluruhannya. Di bawah Pengarah Eksekutif terdapat empat orang penolong pengurus dan dua orang

pengurus yang mengetuai jabatan Editorial, Pengeluaran, Pentadbiran dan Kewangan, Pemasaran dan Inventori/Logistik. Keseluruhan kakitangan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd ialah seramai 68 orang yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan pengalaman dalam bidang industri penerbitan.

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd merupakan penerbit bumiputera yang telah bertapak dalam bidang penerbitan dan pengedaran buku ini hampir 29 tahun. Iaitu penerbit bumiputera yang tertua di Malaysia. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd menerbitkan pelbagai jenis kategori buku dari peringkat prasekolah hingga ke universiti dan juga penerbitan umum. Lebih kurang 65 peratus daripada buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd berasaskan pendidikan, manakala 35 peratus lagi adalah merupakan bahan bacaan umum merangkumi pelbagai subjek seperti pengurusan, perniagaan, motivasi, agama dan kekeluargaan. Terbitan terkini yang telah dihasilkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd ialah buku direktori seperti Direktori IPT dan penerbitan buku mewah. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd juga sedang menambahkan judul penerbitannya iaitu dalam proses menerbitkan ensiklopedia, dan dalam perancangan untuk menerbitkan buku-buku yang mempunyai jangka hayat yang panjang kerana buku-buku sebegini dapat membantu memantapkan sesebuah syarikat penerbitan.

Di samping itu, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd juga membuat penerbitan bersama dengan jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan korporat secara usahasama.

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd menerbitkan lebih kurang 150 tajuk buku setiap tahun. Dalam bidang penerbitan, Utusan Publications &

Distributors Sdn Bhd mempunyai Jabatan Editorial dan Pengeluaran yang sistematik dan dianggotai oleh tenaga yang terlatih.

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd juga merupakan pembekal dan pengedar buku terbitan luar negara dan tempatan. Buku luar negara yang diedarkan termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah dan Australia. Kebanyakan buku dibekalkan kepada institusi pengajian tinggi, perpustakaan sekolah, perpustakaan awam, jabatan dan agensi kerajaan.

Oleh itu dapat dilihat di sini Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd beroperasi sebagai penerbit dan pengedar buku. Pendapatan keseluruhan adalah bergantung kepada 60 peratus daripada judul baru dan 40 peratus daripada aktiviti memasarkan buku penerbit lain. Walaupun Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd merupakan sebuah penerbit swasta yang berorientasikan keuntungan, namun, ia juga sebuah penerbit yang mementingkan juga tanggungjawab sosial. Oleh itu judul buku yang diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn mesti bermoral dan dapat memainkan peranannya sebagai media pendidik kepada orang ramai.

### **3.2 Struktur Organisasi Syarikat**

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd diketuai oleh seorang Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (Malaysia) Berhad yang bertindak sebagai penasihat kepada aktiviti dan perjalanan syarikat. Jawatan ini disandang oleh Tan Sri Hashim Makaruddin. Pengarah Eksekutif bertindak sebagai pengurus operasi syarikat keseluruhannya. Tugas ini disandang oleh Puan Roselina Johari.


Terdapat empat orang Lembaga Pengarah Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd iaitu Tan Sri Hashim Makaruddin, Puan Roselina Johari, Encik Nasir Ali, Encik Adi Staria dan Puan Sarina Sadoon selaku setiausaha.

Lembaga Pengarah bertindak memantau perjalanan dan operasi syarikat dan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan diadakan tiga bulan sekali.

### 3.2. 1 Carta Organisasi Syarikat

Rajah 3.1

Carta Organisasi Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd



Operasi syarikat akan diuruskan oleh Pengarah Eksekutif. Di bawah Pengarah Eksekutif terdapat tiga orang penolong pengurus dan dua orang pengurus yang mengetuai Jabatan Editorial, Pengeluaran, Pentadbiran dan Kewangan, Pemasaran dan Inventori/Logistik. Struktur organisasi disusun dalam

bentuk menegak secara bertingkat. Di bawah pengurus dan penolong pengurus terdapat unit-unit tertentu seperti enam unit di Jabatan Editorial, dua unit di Jabatan Kewangan dan Pentadbiran dan empat unit di Jabatan Pemasaran

### **3.2.2 Jabatan Editorial**

Jabatan Editorial diretuai oleh seorang Penolong Pengurus Penerbitan. Terdapat seorang editor kanan, tujuh orang editor, seorang subeditor, seorang pembaca pruf dan seorang kerani dalam jabatan ini. Fungsi dan tanggungjawab jabatan ini adalah seperti di bawah:

- (a) Pembinaan Judul (Perancangan dan Penyelidikan)
  - (i) Mengenal pasti bidang
    - Memilih bidang yang sesuai berdasarkan keperluan dan perancangan dan juga unit masing-masing.
  - (ii) Mengenal pasti potensi pasaran
    - Membuat tinjauan judul yang berada di pasaran, supaya buku yang diterbitkan merupakan keperluan pembeli dan boleh dijual. Jabatan ini juga akan menyenaraikan judul prioriti yang belum ada di pasaran supaya boleh dirancang penerbitannya.
  - (iii) Mengenal pasti judul
    - Editor akan menyemak senarai buku yang berada di pasaran. Melalui semakan ini editor boleh merancang dan menyenaraikan judul prioriti yang akan diterbitkan.
  - (iv) Mengenal pasti penulis
    - Berdasarkan kepada perancangan dan senarai judul, editor akan mencari penulis untuk pemerolehan manuskrip atau

#### **(e) Pengaruh dan Pengeluaran**

- (i) Membuat pernyataan pruf iaitu memberi perhatian kepada penandaan dan mengecualikan baca pruf dan menentukan spesifikasi yang ditetapkan telah dipenuhi.
- (ii) Mengesahkan naskhah sedia kamera.

Di samping itu, jabatan ini juga akan menguruskan soal hak cipta, perjanjian penerbitan, penentuan kadar royalti dan pembelian atau penjualan hak cipta.

#### **3.2.3 Jabatan Pengeluaran**

Jabatan Pengeluaran dilantik oleh seorang Pengurus. Jabatan ini berfungsi sebagai tempat untuk proses pengeluaran buku dan ia berfungsi sebagai pembantu kepada Jabatan Editorial dalam merealisasikan pengeluaran buku. Jabatan ini akan membuat keputusan terhadap letak teks dan visual kulit buku. Jabatan ini juga akan menguruskan pencetakan buku. Jabatan Pengeluaran adalah bahagian yang paling rapat dengan Jabatan Editorial, di mana komunikasi yang baik antara kedua-dua jabatan ini adalah amat diperlukan dalam melancarkan proses penerbitan buku.

#### **3.2.4 Jabatan Pemasaran**

Jabatan Pemasaran dilantik oleh Penolong Pengurus Pemasaran. Jabatan ini dibahagikan kepada tiga unit iaitu unit Khidmat Pelanggan, Jualan, Promosi dan Pembangunan Organisasi. Jabatan ini menguruskan semua aktiviti jualan dan

menyemak manuskrip yang ada dalam simpanan yang sesuai dengan perancangan judul.

**(b) Pemerolehan**

- (i) Mencari penulis untuk tujuan permerolehan manuskrip.
- (ii) Membuat cadangan judul untuk penerbitan yang akan diluluskan oleh pihak pengurusan.
- (iii) Membuat kerjasama penerbitan dengan badan-badan kerajaan dan swasta dan juga pusat pengajian tinggi.

**(c) Penilaian**

- (i) Mengenal pasti dan menilai manuskrip.
- (ii) Embincangkan manuskrip yang dipilih bersama-sama pihak pengurusan.
- (iii) Menyediakan bajet untuk setiap manuskrip yang terpilih. Berdasarkan anggaran pendapatan daripada buku tersebut, manuskrip akan diluluskan untuk penerbitan.

**(d) Penyuntingan**

- (i) Melakukan penyuntingan substantif
  - Menyemak manuskrip termasuk bahan ilustrasi.
  - Memastikan manuskrip lengkap.
  - Reka rancangan manuskrip dengan memberi tumpuan kepada kreditungan dan persembahan. Membuat penyuntingan kop.
- (ii) Menguruskan bahan untuk penyediaan reka bentuk dan ilustrasi.

promosi. Di bahagian ini terdapat lima orang eksekutif yang dibantu oleh 10 orang kakitangan yang bertanggungjawab memasarkan buku, menyediakan inovis, mengambil pesanan, merekodkan jualan. Jabatan Pemasaran mempunyai hubungan langsung dengan Jabatan Logistik kerana Jabatan Logistik yang akan menguruskan penghantaran buku sama ada kepada pengedar ataupun kedai-kedai buku.

Terdapat empat unit di Jabatan Pemasaran. Setiap unit mempunyai fungsi yang tertentu.

Unit Jualan ialah unit yang berfungsi untuk menjual buku sama ada buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, buku daripada penerbit lain dan juga buku import. Di Sabah dan Sarawak tidak ada jurujual dari Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd yang diletakkan di sini. Kedai buku dilantik sebagai ejen pemasaran buku di sini. Di Sarawak kedai buku yang dilantik ialah Sinar Suci dan Ruby. Di Sabah pula Pokok Library dan Mega Learning. Kedai buku yang dilantik dikawal terus dari Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Bagi kawasan pantai timur ditempatkan seorang jurujual bagi menjaga kawasan ini. Negeri-negeri yang diletakkan di bawah kawasan pantai timur ialah Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Bagi kawasan selatan iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Melaka, ia diletakkan di bawah tanggungjawab Penolong Pengurus Pemasaran. Penolong Pengurus Pemasaran akan mengambil pesanan dari kedai buku di kawasan selatan ini.

Bagi kawasan utara, iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dilantik seorang jurujual yang beroperasi dari Pulau Pinang untuk menguruskan pemasaran bagi kawasan ini.

Empat orang jurujual ditempatkan di kawasan tengah. Negeri-negeri yang diletakkan di kawasan tengah ialah Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Wakil jualan yang lebih ramai di kawasan tengah adalah kerana tumpuan utama pemasaran Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd ialah di kawasan tengah.

Unit Khidmat Pelanggan diketuai oleh seorang Eksekutif dan dibantu oleh empat orang kerani. Tugas unit ini adalah untuk menguruskan pesanan daripada jurujual, pesanan melalui faks dan juga pesanan melalui telefon. Pesanan yang diterima akan dihantar kepada Jabatan Logistik melalui borang pesanan. Pihak Logistik yang akan menyediakan invois dan menguruskan penghantaran.

Selain itu unit ini juga menguruskan pesanan melalui Skim Pinjaman Buku Teks daripada Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia. Semua borang pesanan akan diisi dan dilengkapkan oleh unit ini untuk dihantar ke sekolah yang terlibat.

Unit Promosi diuruskan oleh seorang Eksekutif Kanan dibantu oleh seorang kerani. Fungsi unit ini adalah untuk menyediakan brosur, katalog dan juga mempromosikan buku melalui iklan di akhbar ataupun media elektronik. Di samping itu unit ini menguruskan aktiviti seperti pelancaran buku dan bengkel yang bertujuan untuk mempromosikan buku.

Unit Pembangunan Perniagaan diuruskan oleh seorang Eksekutif Kanan. Unit ini menguruskan seminar seperti seminar pendidikan dengan kerjasama badan-badan tertentu ataupun Kementerian Pelajaran. Unit ini juga menguruskan aktiviti seperti ekspo pendidikan. Pendapatan unit ini bergantung kepada keuntungan ekspo ataupun seminar yang dianjurkan.

Selain itu unit ini juga membuat kerjasama penerbitan bahan-bahan seperti manual dan kalender dengan badan-badan tertentu seperti Takaful Malaysia Sdn Bhd.

Empat unit yang terdapat dalam Jabatan Pemasaran ini dikawal dan diuruskan oleh Penolong Pengurus Pemasaran. Bagi Unit Promosi dan Unit Pembangunan Perniagaan, ia dipantau terus oleh Pengarah Eksekutif. Semua kelulusan untuk sesuatu projek bagi kedua-dua unit ini adalah dibuat oleh Pengarah Eksekutif

### **3.2.5 Jabatan Kewangan dan Pentadbiran**

Jabatan Kewangan dan Pentadbiran diketuai oleh seorang Pengurus yang di bawahnya terdapat dua unit iaitu Unit Kredit dan Unit Kewangan dan Pentadbiran, Unit Kewangan dan Pentadbiran menguruskan pentadbiran dan kewangan syarikat. Iaitu seperti menguruskan penyediaan bajet tahunan syarikat, menyediakan akaun untung rugi, aliran tunai, pembayaran royalti dan juga pengurusan yang berkaitan dengan kakitangan syarikat.

Unit Kredit pula adalah bertanggungjawab mengutip bayaran bagi semua penghutang seperti syarikat pengedaran, kedai buku, pengedar perseorangan, jabatan kerajaan, perpustakaan dan juga penulis.

### **3.2.6 Jabatan Logistik**

Jabatan Logistik atau Invontori diketuai oleh seorang Penolong Pengurus Logistik. Jabatan ini berfungsi menerima stok daripada pencetak dan juga daripada penerbit lain yang bukunya diedarkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Unit ini juga adalah unit yang menguruskan penghantaran buku kepada pengedar yang

dilantik oleh syarikat dan ia juga menguruskan penghantaran buku melalui pesanan pos.

Berdasarkan kepada struktur organisasi pentadbiran Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd ini ia boleh dibahagikan kepada tiga hierarki pengurusan secara umumnya, iaitu:

**(a) Pengurus Atasan**

Pengurus yang menduduki peringkat ini terdiri daripada Pengurus dan Pengarah Eksekutif. Tugasnya adalah untuk menetapkan matlamat dan menentukan ia tercapai mengikut tujuan organisasi. Mereka juga menyelidik kembangan dan peluang yang berlaku di persekitaran luaran supaya organisasi itu dapat menyesuaikan diri kepada perubahan yang berlaku.

**(b) Pengurus Pertengahan**

Pengurus pertengahan terdiri daripada pengurus dan penolong pengurus setiap bahagian iaitu editorial, pengeluaran, kewangan dan pentadbiran, logistik dan pemasaran. Fungsi pengurus pada bahagian ini adalah untuk menyelaras dan menyatupadukan aktiviti bahagian untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak atasan. Pengurus pertengahan juga menjadi penghubung kepada pekerja dalam jabatan mereka dengan pihak pengurus atasan dan pengurus dari jabatan lain.

### (c) Pengurusan Rawahan

Pengurusan rawahan terdiri daripada eksekutif yang mengetuai setiap jabatan. Tugas mereka adalah untuk mengawasi dan menguruskan kegiatan harian di bahagian operasi yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan pertengahan.

Melalui pembahagian jabatan mengikut fungsi, pembahagian kuasa kepada setiap jabatan dilakukan supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Pihak pengurusan menyedari bahawa organisasi yang mempunyai susunan struktur yang baik dapat menghalang daripada berlaku pernindihan kuasa atau penduaan tugas sama ada di kalangan kakitangan dalam jabatan atau antara jabatan. Penyusunan yang baik juga akan dapat meningkatkan produktiviti, memberikan dorongan kepada kakitangan serta menjamin komitmen di tempat kerja.

### 3.3 Aktiviti Perniagaan Syarikat

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, seperti mana namanya jelas menunjukkan bahawa aktiviti perniagaannya ialah penerbitan dan pengedaran buku.

Bagi aktiviti penerbitan, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd menerbitkan pelbagai buku dari peringkat prasekolah sehingga kepada peringkat pengajian tinggi. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd menerbitkan lebih kurang 150 judul buku setahun. Penerbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd dikategorikan kepada 5 siri yang merangkumi pelbagai bidang. Jadual 3.1

menujukkan penerbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd mengikut bulan bagi tahun 2001 hingga 2004.

### Jadual 3.1

Jumlah nilai pengeluaran judul baru, Utusan Publications & Distributors dari tahun 2001 hingga 2004 mengikut bulan

| 2001                |              |                     | 2002                |              |                     |
|---------------------|--------------|---------------------|---------------------|--------------|---------------------|
| Bulan               | Jumlah Judul | Jumlah Nilai (RM)   | Bulan               | Jumlah Judul | Jumlah Nilai (RM)   |
| Januari             | 7            | 297,253.00          | Januari             | 8            | 691,400.00          |
| Februari            | 13           | 548,000.00          | Februari            | 11           | 687,500.00          |
| Mac                 | 8            | 262,500.00          | Mac                 | 10           | 400,500.00          |
| April               | 13           | 389,500.00          | April               | 13           | 604,800.00          |
| Mei                 | 12           | 686,390.00          | Mei                 | 6            | 299,300.00          |
| Jun                 | 16           | 1,616,308.00        | Jun                 | 9            | 960,000.00          |
| Julai               | 4            | 568,470.00          | Julai               | 17           | 798,000.00          |
| Ogos                | 5            | 421,900.00          | Ogos                | 9            | 1,253,500.00        |
| September           | 9            | 275,500.00          | September           | 3            | 239,000.00          |
| Oktober             | 6            | 268,000.00          | Oktober             | 13           | 851,100.00          |
| November            | 24           | 969,900.00          | November            | 14           | 804,596.00          |
| Disember            | 4            | 166,200.00          | Disember            | 8            | 409,200.00          |
| <b>Jumlah Besar</b> | <b>121</b>   | <b>6,469,921.00</b> | <b>Jumlah Besar</b> | <b>121</b>   | <b>7,998,896.00</b> |

| 2003                |              |                      | 2004                |              |                      |
|---------------------|--------------|----------------------|---------------------|--------------|----------------------|
| Bulan               | Jumlah Judul | Jumlah Nilai (RM)    | Bulan               | Jumlah Judul | Jumlah Nilai (RM)    |
| Januari             | 4            | 171,000.00           | Januari             | 8            | 503,000.00           |
| Februari            | 13           | 527,500.00           | Februari            | 18           | 966,300.00           |
| Mac                 | 8            | 789,450.00           | Mac                 | 9            | 711,500.00           |
| April               | 11           | 931,000.00           | April               | 13           | 921,500.00           |
| Mei                 | 24           | 3,017,500.00         | Mei                 | 14           | 972,500.00           |
| Jun                 | 10           | 806,500.00           | Jun                 | 6            | 747,000.00           |
| Julai               | 5            | 394,500.00           | Julai               | 12           | 546,000.00           |
| Ogos                | 7            | 632,000.00           | Ogos                | 8            | 421,000.00           |
| September           | 7            | 559,500.00           | September           | 19           | 1,362,000.00         |
| Oktober             | 7            | 1,991,600.00         | Oktober             | 7            | 6,380,292.00         |
| November            | 9            | 780,800.00           | November            | 21           | 1,349,000.00         |
| Disember            | 5            | 652,000.00           | Disember            | 10           | 552,800.00           |
| <b>Jumlah Besar</b> | <b>110</b>   | <b>11,253,350.00</b> | <b>Jumlah Besar</b> | <b>145</b>   | <b>15,432,892.00</b> |

Dalam tempoh empat tahun tersebut ternyata Jabatan Editorial menujukkan peningkatan dalam penerbitan judul baru dengan nilai yang lebih besar. Bagi tahun 2004 merupakan tahun tertinggi pengeluaran judul baru iaitu dengan nilai sebanyak RM15,500,373. Ini merupakan keluaran tertinggi setelah hampir 30 tahun Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd beroperasi. Berbanding tahun 2001 terdapat peningkatan sebanyak lebih 100 peratus.

Pendapatan keseluruhan daripada jualan juga menunjukkan peningkatan dari tahun 2001 hingga 2004 walaupun pada tahun 2002 menunjukkan kejatuhan dari segi jualan. Ini dapat dilihat dalam Jadual 3.2.

**Jadual 3.2**  
Pendapatan jualan dari Tahun 2001 hingga 2004


| <b>Jenis Buku yang Dijual</b> | <b>Jualan Tahun 2004<br/>(dalam RM)</b> | <b>Jualan Tahun 2003<br/>(dalam RM)</b> | <b>Jualan Tahun 2002<br/>(dalam RM)</b> | <b>Jualan Tahun 2001<br/>(dalam RM)</b> |
|-------------------------------|---|---|---|---|
| (a) Buku Utusan               | 5,274,120                               | 5,381,799                               | 3,726,079                               | 3,618,272                               |
| (b) Buku Import               | 918,699                                 | 895,210                                 | 724,961                                 | 1,103,577                               |
| (c) Buku DBP                  | 7,449,483                               | 5,272,952                               | 6,722,142                               | 7,647,659                               |
| (d) Buku Penerbit lain        | 185,305                                 | 400,235                                 | 531,962                                 | 539,500                                 |
| (e) Jualan tunai              | 1,162,254                               | 1,714,348                               | 901,390                                 | 74,219                                  |
| (f) Kontrek/tender            | 4,701,749                               | 2,696,302                               | 1,181,462                               | 2,024,296                               |
| (g) Pengiklanan               | 43,030                                  | 124,887                                 | 161,692                                 | 186,914                                 |
| (h) Lain-lain                 | -                                       | 47,293                                  | 22,655                                  | -                                       |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>19,734,640</b>                       | <b>16,533,025</b>                       | <b>13,972,342</b>                       | <b>15,194,437</b>                       |

Buku import, buku DBP dan buku penerbit lain ialah buku yang diedarkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Pendapatan daripada buku yang diedar adalah bergantung kepada komisen. Manakala kontrak dan tender pula ialah jualan buku teks terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd untuk Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia. Pengiklanan pula adalah dapatan daripada pengiklan atau penaja projek seminar anjuran Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Berdasarkan kepada perkembangan dari tahun 2001 hingga 2002 didapati ada peningkatan dalam penerbitan judul baru dan juga dalam jualan buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

**Rajah 3.2**

Peratus nilai jualan buku mengikut kategori bagi tahun 2004



Daripada Rajah 3.2 didapati 58 peratus daripada hasil jualan adalah daripada buku-buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Data ini dapat dikira melalui jualan buku Utusan, kontrak/tender, jualan tunai dan pengiklanan yang merupakan jualan daripada buku-buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Pengedaran buku DBP mengambil tempat kedua dengan menyumbangkan 37 peratus daripada hasil jualan.